


7H6M

HARBIN

KESERONOKAN AIS DAN SALJI



Festival Ice and Snow Ice Sculpture ini adalah terbesar di dunia dan diadakan setiap tahun di Harbin, China!!!

Map



Musim Panas:
Jun - Ogos



Musim Luruh:
Sept - November



Musim Sejuk:
Disember - Feb



Musim Bunga:
Mac - Mei



CHINESE
YUAN:
CNY 1



RINGGIT
MALAYSIA:
MYR 0.65



PERBEZAAN WAKTU
CHINA: GMT+8

TOUR HIGHLIGHTS

1



RIME CORRIDOR:

Melawat di Rime Corridor yang terkenal dengan pemandangan rime, fenomena semula jadi pokok dan tumbuhan diliputi ais kristal yang indah. Ia juga mempunyai aktiviti luar seperti bermain ski.

2



SUN ISLAND SNOW SCULPTURE ART EXPO:

Meluangkan masa di taman hiburan musim sejuk Sun Island Snow Sculpture Art Expo.

3



HARBIN WINTER SWIMMING:

Menonton acara berenang ais pada musim sejuk.

4



VOLGA MANOR:

Merasai pengalaman kebudayaan traditional Rusia di Volga Manor.

5



ICE AND SNOW WORLD ICE SCULPTURE EXHIBITION:

Mengunjungi Festival ais dan salji terbesar di dunia

HOTEL PENGINAPAN | 4* Hotel

BANDAR	HOTEL/SETARAF	BIL. MALAM
Shenyang	Dragon Dream Ruifeng	1 Mlm
Jilin	Riyard Hotel	1 Mlm
Changchun	Smart Choice Holiday Inn	1 Mlm
Harbin	Jingchen Hotel	2 Mlm
Beijing	Qianmen Smart Choice Holiday Inn	1 Mlm

JADUAL PENERBANGAN



HARI	PESAWAT	SEKTOR	ETD	ETA
1	MH 318	KUL - PKX	0040	0700+1
7	MH 319	PKX - KUL	0930	1600

HARGA PAKEJ TERMASUK

- Tiket penerbangan kelas ekonomi termasuk surcaj minyak dan cukai penerbangan.
- Penginapan hotel 6 malam bertaraf 4* sepanjang lawatan termasuk cukai bandar (city taxes).
- Sarapan pagi di hotel, makan tengahari dan makan malam sepanjang lawatan mengikut aturcara.
- Tiket masuk ke tempat lawatan seperti yang dinyatakan.
- Pengangkutan bas persiaran berhawa dingin yang selesa.
- Perkhidmatan ketua rombongan dan pemandu pelancong yang professional.
- Tip pemandu pelancong dan pemandu bas persiaran.

HARGA PAKEJ TIDAK TERMASUK

- Kos ujian antigen atau PCR COVID-19 sekiranya disyaratkan oleh negara dilawati.
- Travel & Covid-19 Insurans - Hubungi kami bagi khidmat nasihat dan pembelian premium insurans yang sesuai.
- Surcaj tambahan ketika waktu perayaan, puncak dan cuti sekolah.
- Servis tambahan di hotel seperti snek, mini bar, dobi dan porter.
- Makan minum, tiket masuk lawatan dan tempat lawatan selain dari yang dinyatakan.
- Bayaran tambahan lebihan had bagasi penerbangan.
- Perkara lain selain dari yang dinyatakan di dalam aturcara dan pakej termasuk.

7H6M

HARBIN



HARI 01 KUALA LUMPUR - BEIJING - SHENYANG SP/MT/MM

Berkumpul di KLIA untuk menaiki penerbangan ke Beijing. Selepas lawatan di Beijing selesai terus menaiki keretapi berkelajuan tinggi ke Shenyang (2 jam 45 minit).

Lawatan di **Beijing:**

- Melawat **Beijing Tian'anmen Square** yang merupakan salah satu dataran bandar terbesar di dunia dan boleh menampung 1 juta orang untuk mengadakan perhimpunan besar.
- Melawat **Qianmen Street** yang merupakan pusat perdagangan dan budaya sejak zaman Dinasti Ming dan Qing. Jalan ini juga telah mengekalkan ciri-ciri tradisional seperti gerbang besar dan jalanan berbatu untuk memberikan pengalaman klasik kepada pengunjung.
- Bersiar-siar di **Dashilan** yang merupakan tempat komersial tertua di Beijing dan banyak kedai berusia lebih seabad di kedua-dua belah jalan untuk dilawati. Bermalam di Shenyang.

HARI 02 SHENYANG - JILIN SP/MT/MM

Lawatan di **Shenyang:**

- Melawat **Shenyang Imperial Palace** yang merupakan salah satu contoh seni bina terbaik Manchu. Mempunyai lebih daripada 300 bangunan, ia menampilkan gaya tradisional China yang unik dan berfungsi sebagai pusat politik dan kebudayaan pada zamannya.
- Melawat **Zhang's Mansion** sambil menerokai seni bina gabungan Barat dan tradisional China serta pameran yang memaparkan kehidupan Zhang dan peristiwa sejarah utama.
- Melawat di **Shenyang Zhongjie** yang merupakan pusat komersial terawal Shenyang berusia hampir 400 tahun dan mempunyai reputasi "Jalan Pertama di Timur Laut China".
- Bersiar-siar di sekitar **Songhua River** untuk melihat pemandangan malam sungai songhua, pemandangan beberapa jambatan yang mempunyai ciri-ciri tersendiri merentasi Sungai Songhua di bandar Jilin beserta pemandangan bunga api menjadikan tempat ini spot yang menarik untuk bergambar. Bermalam di Jilin.

HARI 03 JILIN - CHANGCHUN SP/MT/MM

Lawatan di **Jilin:**

- Melawat di **Rime Corridor** yang terkenal dengan pemandangan rime, fenomena semula jadi di mana pokok dan tumbuhan diliputi ais kristal yang indah. Ia juga mempunyai aktiviti luar seperti bermain ski.
- Bersiar-siar di **Changbai Island** untuk melihat beribu-ribu burung dan itik liar yang datang berkumpul disini beserta pemandangan yang cantik menjadikan tempat ini salah satu tempat bergambar yang cantik serta memberi kelainan pada tetamu.
- Melawat **Manchu Folk Museum** yang merupakan salah satu rumah halaman yang dipelihara dengan baik di timur laut China.

Lawatan di **Changchun:**

- Membeli-belah di **The Hill Mall** serta boleh melawat pelbagai

kedai khas and merasai pelbagai jenis makanan Bermalam di Changchun.

HARI 04 CHANGCHUN - HARBIN SP/MT/MM

Lawatan di **Changchun:**

- Melawat **The Manchuko Imperial Palace Museum** yang merupakan tapak bersejarah penting. Disini pelancong dapat berjalan ke bilik-bilik diraja dan taman serta kawasan lain untuk melihat seni bina dan budaya era Manchukuo.
- Melawat **The Eight Departments of Manchukuo** yang pernah menjadi pusat pentadbiran Kerajaan boneka Manchukuo yang ditubuhkan oleh Jepun pada tahun 1930-an. Tempat ini menawarkan wawasan mendalam tentang pengaruh Jepun di Manchuria.

Lawatan di **Harbin:**

- Melawat **Sun Island International Snow Sculpture Art Expo** yang merupakan taman hiburan dengan tema salji terbesar dan terawal yang dibina di China. Tetamu dapat menyaksikan keindahan seni arca salji yang diukir oleh para pengukir mahir, menikmati aktiviti musim sejuk dan merasai suasana perayaan musim sejuk yang meriah.

Bermalam di Harbin.

HARI 05 HARBIN SP/MT/MM

Lawatan di **Harbin:**

- Melihat acara berenang ais pada musim sejuk.
- Melawat **Volga Manor** bangunan klasik didalam sejarah China dan Rusia yang dibina semula ini menunjukkan ciri-ciri seni bina Rusia, seni lukisan, arca dan menampilkan budaya eksotik Rusia.
- Melawat **Ice and Snow World Ice Sculpture Exhibition** yang terdapat banyak arca ais, arca salji dan bangunan, dan banyak bangunan diperbuat daripada ais tulen. Disini tetamu dapat melihat arca ais dan salji yang berlampu dengan pelbagai warna dan juga boleh melakukan pelbagai aktiviti musim salji. Bermalam di Harbin.

HARI 06 HARBIN SP/MT/MM

Lawatan di **Harbin:**

- Berfoto di **Sophia Square** kerana seni binanya yang menarik. Disini pelancong dapat menikmati pemandangan yang cantik, serta berfoto dan bersantai di sekitarnya.
- Bersiar-siar di **Central Avenue** dan dapat merasai seperti berada di sebuah bandar Eropah, serta melihat pelbagai sejarah seni bina yang indah.
- Berjalan-jalan di sekitar **Harbin Flood Control Memorial Tower** dan dapat melihat pemandangan indah Sungai dari menara ini.
- Berjalan di **Middle East Railway Bridge-Glass Walkway** yang merupakan jambatan kaca jernih serta dapat melihat panorama sungai dan bandar Harbin.
- Berjalan-jalan di **Laodaowai Chinese Baroque** yang dipenuhi dengan kedai-kedai, kafe, restoran tradisional dan disini menawarkan pengalaman yang kaya dengan budaya dan sejarahnya.

Bermalam di Beijing.

HARI 07 BEIJING - KUALA LUMPUR

Menaiki penerbangan pagi pulang ke Kuala Lumpur.